



SIARAN AKHBAR

1000 ORANG PENDUDUK KAMPUNG JANDA BAIK HADIR MEMERIAHKAN MAJLIS RAMAH MESRA DI SERENE RESORT & TRAINING CENTRE

JANDA BAIK, 13 JANUARI 2018 - 1000 orang telah berkumpul di Serene Resort Training Centre, Kampung Janda Baik pada hari Sabtu, 13 Januari 2018 bagi “Majlis Ramah Mesra Bersama Penduduk Kampung Janda Baik”. Perbadanan Nasional Berhad (PNS) telah menganjurkan program ini bagi memanjatkan kesyukuran ke atas pemilikan hartanah (Serene Resort & Training Centre) dan sekaligus bersama-sama berkongsi nikmat yang ada agar dapat dirasai bersama.

Program berlangsung selama dua hari iaitu selepas solat Jumaat pada 12 Januari 2018 dimana aktiviti program bermula dengan acara gotong-royong memasak oleh sukarelawan PNS dan penduduk kampung serta aktiviti rewang bagi persiapan majlis yang akan diadakan pada keesokan harinya.

“Majlis Ramah Mesra Bersama Penduduk Kampung Janda Baik” ini juga diadakan bagi memperkenalkan PNS kepada penduduk kampung sebagai organisasi yang telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri Francais Negara melalui pembukaan ruang pameran bagi mendedahkan penduduk kampung akan fungsi dan tanggungjawab PNS dan juga bagi memperkenalkan *Training Centre* yang baru sahaja beroperasi pada awal tahun ini. Serene Resort & Training Centre merupakan milikan penuh PNS bagi mewujudkan pusat latihan khusus untuk melatih para usahawan agar lebih maju dalam perniagaan dan mampu berdaya saing dengan usahawan usahawan terkemuka di dalam Negara dan seterusnya dapat menyumbang kepada peluang pekerjaan bagi golongan belia dan penduduk kampung. *Training Centre* ini juga diadakan bagi menyediakan kemudahan untuk semua lapisan

masyarakat samada Agensi Kerajaan, Swasta atau sesiapa saja untuk menggunakan kemudahan yang telah disediakan. Antara kelengkapan yang telah disediakan adalah termasuk kemudahan bagi latihan aktiviti lasak, Dewan Serbaguna, Surau, Bilik-Bilik dan Chalet serta Ruang Makan yang selesa. Kehadiran *Training Centre* ini juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan seterusnya membantu dalam penambahan pendapatan mereka. Program ini juga bertujuan bagi mengeratkan silaturahim di antara kalangan warga kerja PNS sesama sendiri dan juga penduduk kampung.

PNS juga telah mengambil peluang ini untuk mengagihkan wang zakat sejumlah RM 20,000 kepada pelajar Tahfiz Al-Hidayah dan Darul Tahfiz serta penghuni Badan Amal Nur Zahrah, Janda Baik dan Ibu-Ibu tunggal Persatuan Perkawi sejourus selesai Majlis Doa Selamat yang telah diadakan bersama pelajar tahfiz, anak yatim, orang surau serta warga kerja PNS yang diadakan di Surau Utama pusat latihan tersebut. Pengagihan wang zakat telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Syed Ali AlHabshee, Pengerusi PNS.

“Program kemasyarakatan ini adalah amat bermakna kerana ia dapat mengumpulkan kita pada hari ini bagi meraikan Serene Resort & Training Centre yang telah mula beroperasi sepenuhnya pada Januari 2018. Pusat latihan ini juga membuka peluang pekerjaan bagi golongan belia dan juga penduduk kampung” kata Datuk Seri ketika berucap sejourus pengagihan wang zakat tersebut selesai.

Beberapa produk BIT seperti Old Time Sengkuang dan Serdang Cendol turut hadir bagi memeriahkan “Majlis Ramah Mesra Bersama Penduduk Kampung Janda Baik”.



Datuk Seri Syed Ali AlHabshee, Pengerusi Perbadanan Nasional Berhad (lima dari kiri) dan Dato' Syed Kamarulzaman Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin, Pengarah Urusan Perbadanan Nasional Berhad (enam dari kiri) bersama Pelajar Tahfiz Al-Hidayah dan Darul Tahfiz serta Penghuni Badan Amal Nur Zahrah.

Sila hubungi Puan Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat untuk urusan media melalui emel hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) adalah sebuah agensi milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai

usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.